

**Berita
Harian**

AKHBAR RAKYAT, AKHBAR ANDA

SELASA, 13 APRIL, 1982

**NILAI
KERJA DAN
KEMAJUAN
NEGARA**

HANYA minggu lalu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, sewaktu merasmikan seminar anjuran Pusat Daya Pengeluaran Negara telah menekankan betapa pentingnya kadar pengeluaran kita ditingkatkan. Ahad lalu beliau telah mengulangi sekali lagi desakan ini ketika beliau merasmikan pembukaan sebuah kilang di Parit Buntar. Kita sedar bahawa kemajuan ekonomi dan sosial sesebuah negara itu dipengaruhi bukan sedikit oleh keupayaan dan kadar pengeluaran pekerja-pekerjanya. Di negara ini kejayaan kita membasmi kemiskinan dan mencapai taraf negara maju tergantung kepada sejauh mana kita, secara serentak, akan berjaya meningkatkan kadar pengeluaran industri dan sektor-sektor penting kita yang lain.

Memang tidak dapat disangkal bahawa setakat ini pun kadar pengeluaran pekerja kita, baik di sektor-sektor tradisional seperti pertanian dan perlombongan mahupun di sektor pembuatan dan pembinaan, adalah salah

satu yang tertinggi di rantau ini. Tetapi kadar pengeluaran 49 buah kereta untuk seorang pekerja setahun seperti di Jepun itu masih jauh dari capaian kita. Untuk naik ke taraf kemajuan ini tentulah kadar pengeluaran kita perlu dilipat-gandakan. Hanya dengan demikian sahaja pertumbuhan ekonomi kita akan dapat ditingkatkan kepada taraf seperti yang telah tercapai oleh Jepun itu.

Datuk Seri Dr. Mahathir mengakui bahawa kemajuan Jepun di bidang sains dan teknologi memainkan peranan mempercepat kemajuan negara tersebut; tetapi mungkin faktor yang jauh lebih penting kesannya ialah kesanggupan pekerja-pekerja Jepun untuk bekerja lebih kuat dan menghasilkan pengeluaran yang lebih tinggi dari orang lain. Kebetulannya pemerhatian bahawa sistem nilai dan sikap kerja yang baik boleh menjadi anak kunci kepada pembangunan masyarakat ini selaras pula dengan

pandangan ahli-ahli fikir Barat, termasuk Max Weber, yang menekankan bahawa kelahiran dan kemajuan industri moden di Eropah Barat dan di Amerika Utara juga berpunca dari etika Protestan yang memullikan kerja. Islam juga turut menekankan usaha untuk menjamin kesejahteraan umatnya.

Sebenarnya setiap pekerjaan itu harus diukur bukan sahaja berasaskan gaji dan lain-lain ganjaran yang didapati darinya malah ia juga harus dinilai berdasarkan ciri-ciri intrinsiknya, termasuk keupayaannya melahirkan kepuasan dan memberikan sumbangan bermakna kepada negara dan masyarakat. Mungkin kerana sifat-sifat dalaman ini kurang nyata maka ia tidak dititik-beratkan. Tetapi dengan sikap yang positif terhadap kerja dan dengan galakan yang sewajarnya dari majikan tidaklah mustahil unsur-unsur penting ini diberikan penghargaan yang lebih serius dan menyeluruh oleh komuniti pekerja kita.